

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 26.06.2024 MASA: 05.30pm**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA TUAN HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM  
PERTANDINGAN MENGUMPUL KOTAK MINUMAN  
SEMPENA TAHUN BARU CINA SJKC PERINGKAT  
SEBERANG PERAI 2024**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**27 JUN 2024 (KHAMIS)  
2.15 PETANG**

**AUDITORIUM  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**Pn Normahani Binti Muhammad**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

\*\*\*\*\***TAMAT**\*\*\*\*\*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam **Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina SJKC Peringkat Seberang Perai 2024** di Menara Bandaraya Seberang Perai.
2. Terlebih dahulu saya ingin juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada urusetia penganjur dan semua yang terlibat kerana bertungkus lumus menganjurkan dan menjayakan program istimewa pada hari ini.
3. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang berdaya huni dengan menjadi Bandar Raya Neutral Karbon pada tahun 2030; dan Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050. Antara fokus MBSP adalah penanaman pokok di Seberang Perai bagi menyerap karbon, menghasilkan oksigen dan mengawal penghasilan gas rumah hijau; aktiviti kitar semula; pengurusan sisa pepejal

(*sustainable waste management*); penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE); penggunaan lampu jalan LED dan banyak lagi.

4. Ini juga bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yang pertama di Malaysia dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi yang termaktub dalam Penang2030 "*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*".
5. **Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina SJKC Peringkat Seberang Perai 2024** ini adalah merupakan satu kempen untuk mendidik masyarakat tentang pentingnya pengasingan serta pengumpulan kotak minuman ini dengan betul.
6. Kotak minuman mengandungi tiga lapisan iaitu kertas, plastik dan aluminium. Ia perlu diasingkan dengan betul kerana mempunyai *Plastic Poly Al*. Terdapat sebuah kilang di Shah Alam yang mempunyai kemudahan untuk memproses kotak minuman dan mengasingkan kandungan di dalamnya. Jika kotak minuman dihantar ke kilang kertas, kandungan plastik tidak dapat dilupuskan dengan sempurna.
7. MBSP melalui Pasukan Kerja LA21 menganjur aktiviti pendidikan dan penglibatan pengguna / komuniti / sekolah untuk memupuk kesedaran dan amalan kitar semula kotak minuman. Rangkaian rakan kerjasama

pengumpulan / agen pembeli dirancang bertambah. Agen pembeli selain di Butterworth adalah di Kepala Gajah, Seberang Perai Selatan.

8. Sekolah berperanan sebagai duta perlindungan alam sekitar dengan penyertaan secara aktif dan membawa punca kebanggaan. Ianya memberi fikiran positif dalam kehidupan harian bukan kerana hendak mendapat anugerah tetapi kebudayaan kelestarian dalam ekonomi, alam sekitar dan sosial.
9. Kempen Pengumpulan Kotak Minuman dilaksanakan di sekolah dan dijadikan sebagai satu pertandingan bagi menggalakkan para pelajar menjalankan aktiviti kitar semula khususnya mengitar semula kotak minuman, Kempen ini melibatkan penyertaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di seluruh Seberang Perai dan telah dijalankan sejak tahun 2019.
10. Program Penyampaian Hadiah Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina 2024 mendapat penyertaan 22 buah Sekolah Jenis Kebangsaan, iaitu lapan (8) sekolah dari Seberang Perai Utara, tujuh (7) sekolah dari Seberang Perai Tengah dan tujuh (7) sekolah dari Seberang Perai Selatan.
11. Tempoh masa bagi pengumpulan kotak minuman ini bermula pada Januari 2024 sehingga April 2024. Kadar pengiraan bagi pemenang adalah berdasarkan berat perkapita terbanyak.

12. Jumlah kotak minuman yang berjaya dikutip pada tahun ini adalah sebanyak 1,949.5 kg berbanding 1,914.8kg pada tahun 2023, dengan peningkatan sebanyak 34.7kg. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua sekolah yang menyertai program ini.
13. Hari ini merupakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang memenangi pertandingan pengumpulan kotak minuman sempena Tahun Baru Cina 2024. Majlis Bandaraya Seberang Perai menyediakan hadiah berbentuk wang tunai dan sijil penyertaan kepada sekolah yang memenangi pertandingan ini. Jumlah hadiah yang akan disediakan adalah:-
  - a. Johan - RM500.00 & Sijil Penyertaan;
  - b. Naib Johan - RM300.00 & Sijil Penyertaan
  - c. Tempat Ketiga - RM200.00 & Sijil Penyertaan
  - d. Tempat Keempat - RM100.00 & Sijil Penyertaan
  - e. Lima (5) Hadiah Saguhati - RM50.00 & Sijil Penyertaan
14. Diharap melalui Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina 2024 ini, mampu memberi impak dalam menjayakan Dasar Pengasingan Siasa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada Julai 2024 dan pelbagai pihak juga diharap dapat menekankan pendekatan secara holistik bagi pengurusan alam

sekitar dalam mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.

15. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur dan urusetia atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap warga Seberang Perai akan terus menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan komitmen MBSP dengan melaksanakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah kelestarian alam sekitar.
16. Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan aktiviti kitar semula.
17. Akhir kata, dengan ini, saya merasmikan **Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina SJKC Peringkat Seberang Perai 2024.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***